

USIM enggan jadi penonton

BIARPUN tanpa jurulatih, pasukan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) tetap meneruskan perjuangan pada kejujahan *KOSMO!* Varsiti Futsal Zon Timur semalam.

Ini kerana, mereka tidak mahu hanya menjadi penonton apabila perlawanan Grand Final akan berlangsung di gelanggang mereka di Nilai, Negeri Sembilan pada 8 September ini.

Untuk itu, mereka perlu memenangi pertandingan peringkat zon atau sekurang-kurangnya berjaya menempatkan diri di kedudukan lapan pasukan teratas.

Kapten pasukan USIM A, Mohd. Farid Sulaiman mahu semua ahli pasukan meneruskan cabaran hari ini dengan menampilkan rentak yang lebih bertenaga bagi menentukan kemenangan.

"Kami kena menang untuk bermain depan penyokong sendiri yang pastinya

lebih bermakna buat kami."

"Setiap hari apabila ada kelapangan kami akan berlatih dan mengatur strategi sendiri kerana kami tiada jurulatih sejak empat bulan lalu," katanya yang beraksi dalam kategori bawah 23 tahun.

Bagaimanapun, jelasnya, komitmen yang tinggi daripada ahli pasukan membantu pasukannya untuk mencapai keputusan yang lebih baik.

Pada perlawanan peringkat pertama semalam, pasukan USIM A berjaya menyalahkan pasukan Gempita Jr. 4-0.

Sementara untuk perlawanan kedua, mereka memperoleh kemenangan percuma kerana pasukan Lalala yang berada di kumpulan yang sama tidak hadir.

Dalam pada itu, pasukan USIM B turut mara ke pusingan seterusnya untuk melalui beberapa proses saringan melalui permainan kalah mati hari ini untuk menentukan kedudukan terbaik.

PASUKAN USIM berazam untuk menempah slot ke perlawanan Grand Final.

